

# 110 pelajar sekolah menengah jayakan program KAMU UMSKAL

NST 4.4.2014 10

LABUAN: Seramai 110 pelajar sekolah menengah telah menjayakan program Karnival Aku Mahasiswa Universiti (KAMU), Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Rabu lalu.

Program anjuran Pembimbing Rakan Siswa (PRS) UMSKAL itu dijayakan pelajar Tingkatan 5 dan 6 SMK Labuan, SMK Pantai, SMK Lajau dan SMK Mutiara.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Penolong Pendaftar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Fadzli Sarudi yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali, di ruang legar, Bangunan Menara UMS Labuan.

Turut hadir Pengetua SMK Pantai, Sahar Misron; Pengetua SMK Lajau, Yusop Mohamad; Pengetua SMK Mutiara, Lauren Abon dan wakil Pengetua SMK Labuan, Abdul Manan Nasir.

Hadir sama Penyelaras Program, Nur Iman Reedzal, yang juga Pegawai Psikologi UMSKAL dan Pengarah Program, Mohd Shah Rizan Md Yunin.

Pelajar berkenaan didedahkan dengan suasana dan kehidupan seorang mahasiswa melalui pembelajaran dan pengajaran di bilik kuliah dan aktiviti lawatan ke sekitar

universiti.

Dalam ucapannya, Fadzli berkata program itu diadakan untuk memberi motivasi kepada pelajar terabit yang akan menduduki peperiksaan SPM dan STPM pada tahun ini.

Katanya, matlamat yang jelas daripada program itu semestinya akan memberikan pengalaman yang berguna kepada diri pelajar sebelum menjelaskan kaki ke menara gading.

"Usaha ini juga akan membantu dalam melahirkan mahasiswa yang berketerampilan dan mempunyai daya saing yang tinggi pada masa hadapan," katanya.

Beliau berkata antara pendekatan yang diutamakan dalam program 'Unilife Expose' itu ialah memberikan gambaran sebenar mengenai pembelajaran di dalam bilik kuliah kepada pelajar sekolah menengah tersebut.

Selain itu, katanya, pendedahan kepentingan kemahiran pembentangan, bertutur dalam Bahasa Inggeris, pengurusan masa, tugasan berkumpulan dan berkommunikasi sama ada dengan rakan mahupun pensyarah serta kakitangan sokongan.

Fadzli berharap program berkenaan

mampu membantu pelajar mempersiapkan diri menghadapi kehidupan sebenar di alam menara gading terutama di UMS Labuan.

Pada masa sama, beliau mengharapkan program itu dapat digunakan sepenuhnya oleh pelajar dalam menimba pengalaman yang akan membantu mereka bagi meningkatkan prestasi semasa kepada prestasi yang lebih baik dalam pelajaran dan sahiasah diri masing-masing.

"Gunakanlah pengalaman yang berharga ini sebagai rujukan dan ukuran dalam memotivasi diri pelajar agar menjadi insan yang berguna dan mampu berbakti kepada agama, bangsa dan negara," katanya.

Fadzli tidak lupa merakamkan ucapan terima kasih kepada pengetua dan pelajar terabit kerana menjayakan program tahunan itu sekaligus mengeratkan hubungan baik dengan UMSKAL.

Sementara itu, pengetua dan guru pengiring mengambil kesempatan melawat Aras 13 yang menempatkan Pejabat Pengarah dan ruang melihat anak bulan serta menikmati pemandangan menarik Wilayah Persekutuan Labuan. - OLEH JAINUDIN DJIMIN ([jainuddin@newsabah-times.com.my](mailto:jainuddin@newsabah-times.com.my))



RASMI .... Fadzli (4 kanan) merasmikan Karnival Aku Mahasiswa Universiti UMSKAL 2014.



PESERTA... Pelajar sekolah menengah mengikuti program ice breaking di Aras 11, Bangunan Menara UMSKAL sempena program Karnival Aku Mahasiswa Universiti 2014.